

Perhatikan lapan kuasa dalam D-8



Akhimya teka-teki mengenai siapakah yang bakal dilantik menjadi Menteri Luar Negeri kita terjawab apabila Datuk Saifuddin Abdullah mengangkat sumpah jawatan awal Julai lalu.

Pastinya rakyat mengharapkan pembaharuan dasar luar Malaysia yang lebih proaktif dan dinamik selepas serik dibelenggu dua kuasa besar di bawah kepimpinan terdahulu iaitu Amerika Syarikat dan China. Kebetulan, kedua-dua kuasa besar ini telah memulakan 'Perang Perdagangan' secara rasmi antara kedua-dua negara.

Malaysia pula sebagai sebuah negara perdagangan (trading nation) yang bergantung pada keharmonian geopolitik tentulah akan terkesan sedikit-sebanyak akibat daripada perang perdagangan ini.

Ramai yang beranggapan bahawa peluang kita untuk menghadapi impak buruk persaingan Washington-Beijing ini adalah dengan menyandarkan harapan dan usaha kepada Pertubuhan Negara-

Negara Asia Tenggara (Asean).

Walaupun bagaimanapun, terdapat satu blok lagi yang amat berpotensi untuk kita fokuskan iaitu Kumpulan Lapan Negara Membangun (D-8) yang dianggotai Malaysia, Indonesia, Turki, Mesir, Iran, Pakistan, Bangladesh, dan Nigeria.

Jika Asean dibentuk hasil kerjasama 10 negara Asia Tenggara, D-8 pula dibangunkan oleh lapan negara Islam yang diterajui oleh bekas Perdana Menteri Turki pada 1996 iaitu Almarhum Profesor Necmettin Erbakan.

Berbeza dengan Asean yang memiliki sekitar 600 juta penduduk, populasi D-8 pula adalah sebesar 1.1 bilion orang dengan jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melebihi USD3.7 trilion, berbanding Asean yang sekitar USD2.5 trilion.

Terdiri daripada wakil negara Islam di pelbagai penjuru dunia, D-8 bukan sahaja menjanjikan sebuah platform ekonomi, bahkan juga pentas politik antarabangsa buat kesemua negara anggotanya.

Hal ini dapat dilihat berdasarkan objektif utama D-8 iaitu keamanan, bukannya konflik; dialog, bukannya konfrontasi; kerjasama, bukannya eksploitasi; keadilan, bukannya dwi-piawai; ke-

saksamaan, bukannya diskriminasi; serta demokrasi, bukannya penindasan.

Objektif utama D-8 juga boleh diringkaskan seperti berikut: memajukan posisi negara membangun dalam ekonomi dunia; mempelbagaikan dan mencipta peluang baharu dalam hubungan perdagangan; menambah baik penyertaan dalam pembuatan keputusan di peringkat antarabangsa; serta menyediakan kualiti hidup yang lebih baik.

Berdasarkan kesemua objektif D-8 ini, jelas ia seharusnya dimanfaatkan pentadbiran Malaysia baharu dalam merencana geostrategi jangka masa panjang.

Hal ini bukanlah bermaksud kerajaan perlu menarik balik usaha Dasar Pandang ke Timur 2.0 susulan lawatan Tun Mahathir ke Jepun baru-baru ini, malah mengabaikan Asean.

Namun sebaliknya usaha bersepadu perlu digerakkan dalam memperkasakan D-8 sebagai blok ekonomi politik antarabangsa yang disegani. Malah, Setiausaha Agung D-8 kini ialah seorang warga Malaysia iaitu Datuk Ku Jaafar Ku Shaari di mana beberapa peluang positif boleh diterokai dengan komprehensif.

Sebagai contoh, industri automotif dan penerbangan awam adalah dua sektor di mana kerajaan Malaysia hari ini boleh bangunkan secara intensif dengan kerjasama D-8.

Tidak ketinggalan, Datuk Wan Latiff Wan Musa iaitu Timbalan CEO Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) juga telah menemui Datuk Ku Jaafar bagi menunjukkan komitmen Matrade dalam menggalakkan perdagangan dalam kalangan anggota D-8.

Melihatkan segala ruang dan peluang yang ada di bawah teraju Datuk Ku Jaafar sebagai Setiausaha Agung D-8 kini, kerajaan Malaysia seharusnya tidak melepaskan peluang untuk memposisikan Malaysia secara strategik dalam D-8 ini dan seterusnya menjadikan D-8 sebagai blok berpengaruh di tengah-tengah arus perang perdagangan Amerika-China dan kemerosotan Kesatuan Eropah (EU).

Secara kebetulan, iklim politik dalaman kesemua lapan negara anggota D-8 juga agak hangat dalam masa terdekat. Kita di Malaysia baru sahaja selesai menjalani proses Pilihan Raya Umum Mei lalu, dua bulan selepas Pilihan Raya

Umum Mesir.

Turki juga baru sahaja menyaksikan pengundian presiden berkuasa Eksekutif yang pertama mereka pada Jun 2018. Pakistan pula bakal menjalankan pilihan raya umum pada Julai ini manakala Bangladesh turut dijadualkan mengadakan pilihan raya antara Oktober ke Disember 2018.

Iran kita Indonesia pula akan melalui Pemilihan Umum (Pemilu) tahun hadapan pada 17 April 2019 - dua bulan selepas pilihan raya umum Nigeria yang dijadualkan pada 16 Februari 2019.

Semoga kestabilan politik dapat disaksikan di kesemua lapan negara ini dan D-8 dapat diperkasakan melalui penyertaan proaktif Malaysia. Selamat bertugas Datuk Saifuddin.